



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BILANGAN 3/2015**

**Pengambilan Tanah Oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) Di bawah Seksyen
3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]**

1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua warga pentadbiran tanah di Negeri Sembilan mengenai pengambilan tanah yang dibuat oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) di bawah seksyen 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Latar Belakang

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) yang bersidang pada 28 Oktober 2015 melalui Kertas Mesyuarat No. 2834/2015 telah bersetuju dan meluluskan pelaksanaan pengambilan tanah oleh TNB di bawah seksyen 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].
- 2.2 Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah sebuah syarikat awam penjana dan pembekal elektrik terbesar di Malaysia. Perniagaan teras (*core business*) TNB ialah menjana, menghantar dan membahagi tenaga elektrik ke seluruh Malaysia. Pada masa yang sama, TNB juga

bertanggungjawab dalam mengendalikan sistem Grid Nasional, iaitu sistem talian penghantar elektrik yang meliputi kawasan-kawasan seluruh negara.

3. Justifikasi

- 3.1 TNB merupakan sebuah badan yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] yang berasaskan keuntungan dan bekalan elektrik yang mana termasuk di bawah takrifan kemudahan awam yang tertakluk di bawah seksyen 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]
- 3.2 TNB mempunyai beberapa tatacara perolehan tanah bagi keperluan projek-projek di seluruh negara dengan menggunakan beberapa kaedah perundangan seperti Kanun Tanah Negara 1965, Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].
- 3.3 Perolehan pegangan sebagai pemilik atau pemegang pajakan bagi tapak pencawang elektrik adalah untuk memastikan TNB memperoleh *security of tenure* agar tidak dianggap menceroboh mana-mana tanah milik persendirian. Ini juga bagi mengelakkan TNB daripada diarahkan untuk mengalih atau merombak pemasangan elektrik yang dibuat agar tidak menjejaskan pembekalan elektrik kepada pengguna.
- 3.4 Pada masa ini, kelulusan kepada TNB untuk membuat pengambilan tanah adalah di bawah seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]. Ini seolah-olah tindakan melepaskan sumber-sumber hasil kepada kerajaan iaitu;
 - (i) Fee permohonan pengambilan tanah yang sepatutnya boleh dikenakan di bawah seksyen 3(1)(b) APT 1960 adalah **hasil Kerajaan Negeri**;

- (ii) Fee penilaian ke atas nilaian tanah yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) yang dibuat di bawah seksyen 3(1)(b) APT 1960 adalah hasil Kerajaan Persokutuan, dan
 - (iii) Fee ke atas dokumen-dokumen sokongan seperti sijil carian rasmi dan salinan sah hakmilik adalah **hasil Kerajaan Negeri**
- 3.6 Pada pihak Kerajaan Negeri, proses penilaian ke atas permohonan pengambilan tanah di bawah seksyen 3(1)(b) oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah sebelum permohonan diangkat untuk pertimbangan dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri merupakan satu platform dan mekanisma yang baik dan berkesan kepada Pihak Berkuasa Negeri.
- 3.7 Memandangkan TNB merupakan sebuah syarikat/badan yang berorientasikan keuntungan dan berkeupayaan daripada sudut ekonomi, adalah wajar pengambilan tanah yang dibuat oleh TNB dilaksanakan di bawah seksyen 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah (1960 [Akta 486].

4. Pelaksanaan

- 4.1 Semua permohonan pengambilan tanah yang dibuat oleh TNB hendaklah dilaksanakan di bawah seksyen 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah (1960) [Akta 486]

5. Tarikh Kuatkuasa

- 5.1 Pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Bil. 3/2015 ini berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Daerah hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan pekeling ini dipatuhi sepenuhnya



(ZULKIFLI BIN BAHARAN)

Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh : 18 Disember 2015

Rujukan : Bil(86) dlm. PTG.NS 10/14 klt.3